

## PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH MELALUI e-CKHT SECARA MANDATORI DI PORTAL MYTAX

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pengemukaan Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) secara elektronik melalui e-CKHT di portal MyTax **adalah mandatori mulai 1 Januari 2025** menerusi kaedah berikut:

- (a) Layari <https://mytax.hasil.gov.my/>. Log masuk ke MyTax dengan memilih jenis pengenalan dan masukkan kata laluan. Sekiranya tiada Nombor Pengenalan Cukai (TIN), permohonan boleh dikemukakan melalui pendaftaran nombor TIN melalui pautan e-Daftar di MyTax;
- (b) Pilih menu Perkhidmatan ezHASIL > eCKHT; dan
- (c) Pilih jenis BNCKHT dan isi maklumat yang berkaitan.

Peguam bertauliahan dan ejen cukai berlesen yang dilantik dibenarkan untuk mengakses e-CKHT pembayar cukai melalui medium berikut:

- (a) Ejen cukai berlesen: Sistem TaeF versi 2.0; dan
- (b) Peguam: Peranan Peguam di MyTax.

HASiL komited dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan sebagai agensi pemudah cara yang lebih fleksibel dan dinamik sekali gus kekal relevan dan melangkaui ekspektasi semua pihak. Justeru, pelaksanaan mandatori pengemukaan borang melalui e-CKHT adalah sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan sistem perkhidmatan percukaian bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pembayar cukai dalam melaksanakan urusan CKHT tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>



#### Dikeluarkan oleh:

##### **Jabatan Khidmat Korporat**

##### **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 25 November 2024**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia